

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : UPACARA PERASMIAN SESI PENERANGAN GARISPANDUAN MENGENAI
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN LEMBAGA PENGARAH DAN KETUA
EKSEKUTIF BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN
Lokasi : PUSAT ISLAM KUALA LUMPUR
Tarikh : 05-10-1993

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.B Dato' Sri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan diatas kesudian beliau merasmikan Sesi Penerangan berkaitan dengan "Garispanduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Badan- badan Berkanun Persekutuan".

Sesi ini adalah merupakan salah satu langkah perkhidmatan awam untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengurusan Badan-badan Berkanun. Garispanduan ini adalah disediakan untuk membasmi kelemahan-kelemahan dalam pengurusan agensi-agensi Kerajaan. Ditinjau daripada laporan-laporan Ketua Audit Negara, dan juga daripada laporan-laporan yang lain yang diperolehi, maka diantara kelemahan-kelemahan yang dapat dikesan adalah peranan ahli Lembaga Pengarah yang kurang berkesan, kurang persefahaman yang wujud di antara ahli-ahli lembaga pengarah dengan pihak pengurusan, kegagalan Badan-badan Berkanun menyediakan laporan tahunan mengikut tempoh yang ditetapkan, dan kelemahan-kelemahan di dalam sistem kawalan kewangan badan-badan yang tertentu. "Garispanduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Badan- badan Berkanun Persekutuan" adalah hasil daripada perakuan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Dato' Sri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan. Jawatankuasa Pembangunan Negara di peringkat pegawai dimana saya menjadi pengerusinya telah diberi tanggungjawab untuk menilai prestasi Badan-badan Berkanun Persekutuan khasnya berdasarkan kepada pematuhan kepada garispanduan ini dan juga peraturan-peraturan Kerajaan yang lain.

Sesi ini adalah merupakan salah satu langkah yang diambil dalam usaha untuk mewujudkan satu budaya kerja yang berteraskan kepada kualiti, produktiviti dan akauntabiliti. Badan-badan Berkanun hendaklah melaksanakan sistem perakaunan mikro. Kerajaan juga telah mengarahkan bahawa di dalam laporan-laporan tahunan Badan-badan Berkanun, maka pencapaian mereka hendaklah dikemukakan menerusi "penunjuk-penunjuk prestasi" (performance indicators) yang tertentu. Dalam hubungan ini, sebuah buku yang bertajuk "Panduan Mengenai Pewujudan Penunjuk Prestasi Di Agensi-agensi Kerajaan" telahpun disiapkan oleh Panel Bagi Memajukan Pentadbiran Awam dan akan dilancarkan dalam beberapa hari lagi. Adalah diharapkan bahawa maklumat yang diperolehi daripada sistem pengukuran prestasi ini akan memudahkan Kerajaan membuat penilaian terhadap aspek-aspek berikut:

- (i) setakat mana program dan aktiviti dapat mencapai objektif yang ditetapkan (keberkesanan); dan
- (ii) sejauh mana sumber-sumber digunakan secara optima dalam mengendalikan program dan aktiviti (kecekapan).

Perkhidmatan Awam akan terus mengambil langkah-langkah untuk mempertingkatkan kualiti pengurusan dalam Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun. Tuntutan untuk mencapai taraf negara maju dalam wawasan 2020 memerlukan kita lebih peka kepada keperluan-keperluan pelanggan terutamanya di sektor swasta. Walau pun telah terdapat beberapa garispanduan dan risalah yang dikeluarkan oleh agensi-agensi Kerajaan tertentu untuk menerangkan fungsi dan aktiviti masing-masing, perkhidmatan awam sendiri telah menyediakan sebuah buku panduan yang komprehensif yang mengandungi maklumat yang dapat membantu sektor swasta dalam urusannya dengan agensi-agensi Kerajaan, bertajuk "Berurusan Dengan Perkhidmatan Awam". Adalah diharapkan bahawa Badan- badan Berkanun sekalian akan dapat menyampaikan perkhidmatan masing-masing mengikut apa yang telah dijanjikan di dalam buku itu. Perkhidmatan Awam telah juga menyediakan satu garispanduan kepada agensi-agensi Kerajaan untuk mewujudkan satu Piagam Pelanggan masing-masing sebagai satu ikrar agensi mengenai piawai dan kesegeraan sesuatu perkhidmatan itu boleh diadakan ataupun diperolehi. Dalam hubungan ini, adalah juga diharapkan bahawa Badan-badan Berkanun akan melaksanakan

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 3 Tahun 1993 yang bertajuk "Panduan Mengenai Piagam Pelanggan".

Pada masa ini terdapat sebanyak 74 buah Badan-badan Berkanun Persekutuan dengan anggota seramai 99,533 dan 86 buah Badan-badan Berkanun Negeri dengan 24,403 anggota. Jumlah itu adalah sebanyak 15% daripada keseluruhan anggota perkhidmatan awam Malaysia. Oleh hal yang demikian, Badan-badan Berkanun adalah merupakan salah satu cabang perkhidmatan awam yang penting dan memerlukan pengurusan yang baik. Saya adalah berharap bahawa dengan keluarnya "Garis Panduan mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif Badan-badan Berkanun Persekutuan" ini, pengurusan Badan-badan Berkanun akan lebih meningkat lagi baik dari segi kualiti, produktiviti mahupun dari segi akauntabiliti.

Saya selaku Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Negara (peringkat pegawai) amat menghargai di atas kesudian Yang Berhormat Dato' Sri Anwar Ibrahim menyampaikan amanatnya dan apa-apa panduan lain yang boleh kami gunakan untuk menilai prestasi Badan-badan Berkanun. Sekian, terima kasih.